



**PARLIMEN MALAYSIA  
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN**

**PERKARA**

**TADBIR KERAJAAN**

**(*PERATURAN MESYUARAT 17*)**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL PERTAMA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**2 OGOS 2018 (KHAMIS)**

**2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG**

Ucapan : Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]  
Tajuk Ucapan : Fenomena Musim Tengkujuh  
Tarikh Ucapan : 2 Ogos 2018 (Khamis)  
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Musim tengkujuh adalah salah satu fenomena yang tidak dapat kita elak memandangkan kedudukan negara di garisan Khatulistiwa. Musim hujan didapati banyak membawa masalah kepada penduduk terutama masyarakat yang berjirankan sungai atau kolam tadahan akibat kelemahan infrastruktur dan penyelenggaraan sungai, parit dan longkang.

Untuk makluman, Kawasan Parlimen Segamat juga tidak terlepas dalam menghadapi masalah banjir kilat yang kadang-kadang membawa kerosakan infrastruktur dan juga kesihatan rakyat jelata. Hampir 12 tahun rakyat di Segamat merana dan sengsara dalam mengatasi banjir kilat yang kadang-kadang membawa maut. Ini juga membawa keburukan kepada kanak-kanak serta murid-murid sekolah yang sering tidak dapat menghadiri persekolahan atas alasan banjir kilat.

Kawasan yang sering menjadi tumpuan akibat banjir adalah Kampung Krishna dan Kawasan Kampung Paya Jakas khasnya dan secara amnya Parlimen Segamat. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-11, Teras ke 4 Rancangan Memulihkan Koridor Sungai Siput Daerah Segamat didapati ditangguhkan akibat kekurangan bajet di mana kos keseluruhannya dianggarkan sebanyak RM3.5 juta.

Persoalannya adalah, apakah punca projek ini tergendala dan bilakah peruntukan yang secukupnya dapat disediakan bagi menyelesaikan masalah banjir yang semakin teruk. Apakah Kerajaan komited dalam menangani masalah banjir kilat khasnya di Segamat dan seluruh negara amnya. Apakah Kerajaan akan meneliti kembali perancangan serta pengagihan dana dalam merealisasikan bebas banjir kilat di seluruh negara. Bilakah projek tambatan banjir ini dapat disempurnakan secara menyeluruh di Parlimen Segamat. Pohon penjelasan daripada YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui JPS sangat komited dalam menyelesaikan isu-isu banjir di seluruh Negara termasuklah di kawasan Segamat. Walau bagaimanapun, perancangan secara teliti perlu dilaksanakan bagi memastikan projek yang akan dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada rakyat dengan lebih menyeluruh. Buat masa ini, permohonan peruntukan bagi mengatasi masalah banjir akan dipohon mengikut keutamaan tahap kritikal kawasan-kawasan yang terlibat.

Untuk makluman, projek yang dinyatakan iaitu projek bagi menaiktaraf kapasiti Sungai Siput tidak ditangguhkan tetapi masih dalam peringkat perancangan. KATS melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam proses permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan bagi memastikan projek-projek berkenaan dapat dilaksanakan.

Bagi kawasan Sungai Siput, kawasan-kawasan di tebing kiri dan kanan seperti Kampung Krishna, Kampung Paya Jakas, beberapa taman perumahan dan sekolah terkesan dengan banjir apabila hujan lebat berlaku akibat daripada kedudukan kawasan tersebut adalah rendah dan mudah ditakungi air yang melimpah dari sungai.

Walaupun bagaimanapun, bagi mengurangkan impak banjir di kawasan Sungai Siput dan sebagai langkah jangka pendek., JPS sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan tersebut dari semasa ke semasa.

Bagi daerah Segamat, Kerajaan telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Segamat sejak Rancangan Malaysia Ke-9 lagi. Pelaksanaan dengan skala lebih besar juga telah dilaksanakan dalam RMKe-10 iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar Fasa 1. Ianya melibatkan kerja mendalamkan dan melebarkan sungai-sungai, pembinaan ban, lencongan banjir, jambatan, pembedung, struktur kawalan dan stesen amaran banjir. Kos yang terlibat untuk pelaksanaan projek-projek ini adalah hampir RM200 Juta. Ia bertujuan agar kawasan-kawasan banjir di daerah Segamat khususnya yang berada berhampiran lembangan dapat dikurangkan dan masalah dihadapi rakyat dapat diatasi sehingga tahap minima mungkin.

Dalam RMKe-11 pula, ia diteruskan lagi dengan pelaksanaan Rancangan Tebatan banjir (RTB) Sg Muar Fasa 2 dan lokasi pembinaan adalah di bahagian hilir Sungai Muar iaitu selepas daripada Daerah Segamat.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah memohon untuk menaiktaraf kapasiti Sungai Siput pada Rolling Plan (RP) Ke-3 (2018) dan RP4 (2019) dalam RMKe-11. Projek ini tidak tergendala sepertimana dinyatakan tetapi belum lagi diluluskan berbanding projek-projek lain yang lebih kritikal dan mendesak dengan keupayaan peruntukan yang ada.

Kerajaan sememangnya komited dalam menangani masalah banjir bukan sahaja di Daerah Segamat malah semua isu banjir di seluruh Negara.

Di Daerah Segamat, selain penyelesaian banjir di Sungai Siput, Kementerian melalui JPS juga memohon peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Jawa-Felda Medoi, Sungai Kenawar, Sungai Labis, Sungai Chaah dan lain-lain secara berperingkat berdasarkan kemampuan kewangan Negara.

Kerajaan sentiasa meneliti perancangan dan pelaksanaan projek serta pengagihan dana/peruntukan berdasarkan tahap atau keutamaan sesuatu projek tersebut.

Tempoh pelaksanaan projek tebatan banjir Daerah Segamat secara menyeluruh dapat disempurnakan tidak dapat ditentukan buat masa ini kerana pelaksanaan adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan negara. Namun KATS memang berhasrat untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin dengan cara memohon peruntukan secara berterusan dalam Rolling Plan (RP) dan RMK yang akan datang.

